

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIII)14**

**SOALAN      BERTULIS      OLEH      AHLI      KAWASAN      BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

14. Nyatakan peratusan wanita di peringkat membuat keputusan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013 hingga terkini.
- (a) Apakah hasrat Kerajaan Negeri?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

14. Dalam tempoh enam (6) tahun mulai tahun 2013, peratusan wanita di peringkat membuat keputusan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah di antara 18.52% hingga 29.63%. Di mana tahun 2015, memegang jumlah tertinggi bagi golongan wanita di dalam peringkat membuat keputusan iaitu sebanyak lapan (8) orang, dan pada tahun 2018 peratus bilangan wanita dilihat telah jatuh ke 18.52%, iaitu sebanyak lima (5) orang sahaja.

**Lampiran A** menunjukkan dengan lebih teliti perbandingan jumlah dan peratusan antara bilangan golongan wanita dan lelaki yang mengisi mengisi jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (JUSA) atau Ketua Jabatan dari tahun 2013 hingga 2018.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk terus mendukung kepentingan penglibatan wanita dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang dan akan berusaha untuk meningkatkan peratusan tersebut dari tahun ke setahun sehingga sekurang-kurangnya 50%.